



SALLEH (dua dari kiri) menyaksikan upacara bertukar-tukar dokumen perjanjian antara Pengarah Urusan North Borneo Media Sdn Bhd Mohammed Fikhree Abu Bakar (kiri) dengan Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur (dua dari kanan) pada majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara UMS dengan Nort Borneo Media Sdn Bhd, kelmarin. Turut sama, Pendaftar UMS Mejar Datuk Abdullah bin Mohd Said (kanan). -Foto Bernama

## Kerajaan diminta bantu syarikat filem dari Sabah

NST 15.02.2011 2

KOTA KINABALU: Bekas Pengurus Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) Datuk Seri Salleh Tun Said berharap kerajaan pusat dapat membantu syarikat perfileman milik pengusaha Sabah bagi membolehkan mereka bersaing dengan syarikat perfileman yang sudah kukuh di Semenanjung.

"Penting bagi kerajaan pusat melalui agensi seperti Finas menyediakan satu kuota peruntukan khusus untuk syarikat-syarikat perfileman yang dimiliki oleh rakyat di Sabah.

"Saya yakin dengan adanya bantuan sedemikian, industri perfileman Sabah mampu berkembang maju dan mempopularkan Sabah, sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat Sabah," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan North Borneo Media Sdn Bhd di sini kelmarin.

Salleh juga berkata sokongan daripada pelbagai pihak seperti pengusaha panggung dan media masa juga penting bagi membolehkan filem hasil masyarakat Sabah dipromoosi dan dipasarkan.

Naib Canselor UMS Datuk Kamaruzaman Ampon berkata MoU itu akan membolehkan pelajar UMS dari Sekolah Pengajian Seni mempraktikkan teori yang dipelajari dalam produksi perfileman.

Beliau juga berharap produk filem dan animasi yang dihasilkan menerusi usaha sama UMS dengan North Borneo Media dapat dikomersialkan ke peringkat antarabangsa. -Bernama